



e-ISSN: 0128-0902
ISSN 2289-9634

Available online at <https://jcis.uitm.edu.my>

Journal of Contemporary Islamic Studies 10 (2) 2024

Journal of
Contemporary
Islamic Studies

Jenayah Sihir: Cadangan Pengkanunan Undang-undang Jenayah Sihir di Malaysia

Witchcraft Crime: Proposals for the Codification of Witchcraft Criminal Laws in Malaysia

Siti Aisyah Samudin^{1*}, Wardati Ahmad¹

¹*Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya*

ARTICLE INFO

Article history:

Received 29 April 2024

Accepted 23 August 2024

Published 17 October 2024

Keywords:

proof of witchcraft
transformation of law
witchcraft crime

Katakunci:

jenayah sihir
pembuktian sihir
transformasi undang-undang

DOI:

<https://doi.org/10.24191/jcis.v10i2.6>

ABSTRACT

This study focuses on the enforcement of legislation in Malaysia, particularly the implementation of the witchcraft criminal laws. It examines the efforts made by the legislative bodies and the challenges faced in enforcing these laws. The issue of witchcraft is not a new concern that negatively affects the legal system in Malaysia, rather, it is intricately linked to the fundamental principle of justice among individuals. This study employs qualitative methodology to explore the prevailing concept of witchcraft crimes in Malaysia. It examines the relevant articles, scientific literature and judicial cases associated with the practice of witchcraft. Additionally, the study addresses the escalating issues surrounding witchcraft in Malaysian society, particularly among Muslims, which stem from the lack of specific legislation to penalise those who perpetrate and engage in witchcraft. This situation necessitates a legislative transformation to implement a specific statute addressing these criminal acts. Although numerous scholarly papers have explored the topic of witchcraft crimes, it is evident that prior studies have often overlooked the practical steps that courts can take to navigate the challenges in enforcing such laws. Therefore, this study proposes rational recommendations for judicial action in implementing witchcraft legislation.

ABSTRAK

Kajian ini berkisar tentang transformasi perundangan di Malaysia khususnya dalam pelaksanaan undang-undang jenayah sihir. Perbincangan kajian ini merangkumi usaha-usaha yang telah diambil oleh badan perundangan serta cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaannya. Jenayah sihir bukanlah isu baharu yang memberi impak negatif kepada sistem perundangan di Malaysia, sebaliknya, ia berkait rapat dengan prinsip keadilan dalam hubungan antara manusia. Kajian

^{1*} Corresponding author. *E-mail address:* sitiaisayah.samudin@um.edu.my
<https://doi.org/10.24191/jcis.v10i2.6>

yang menggunakan metodologi kualitatif ini membincangkan konsep jenayah sihir yang berlaku di Malaysia dengan menganalisis artikel, bahan ilmiah serta kes-kes yang berkaitan dengan amalan sihir yang pernah diputuskan di mahkamah. Selain itu, kajian ini juga membincangkan isu-isu berkaitan jenayah sihir yang timbul akibat ketiadaan perundangan khusus untuk menghukum pelaku dan pengguna sihir. Situasi ini memerlukan satu transformasi dalam perundangan dengan mengkanunkan statut khusus berkaitan jenayah sihir. Oleh itu, kajian ini mencadangkan beberapa penambahbaikan yang boleh diambil oleh mahkamah dalam mewujudkan perundangan jenayah sihir di Malaysia.

PENDAHULUAN

Sihir diistilahkan sebagai mantera atau jampi serapah. Ia juga bermaksud satu perbuatan atau kejadian luar biasa yang dilakukan oleh manusia secara tersembunyi (*ghaib*) yang melibatkan makhluk halus, bertujuan untuk menyihir, menyakiti dan menzalimi orang lain.

Definisi ini disokong oleh kenyataan Haron Din, pakar pengamal perubatan Islam dan Pengasas Pusat Perubatan Islam Darus Syifa', yang berpandangan bahawa sihir adalah ilmu hitam yang tersembunyi dan dianggap sebagai seni yang memerlukan kemahiran khusus. Sihir memberi fokus kepada amalan kebatinan yang berhubungan secara langsung dengan makhluk halus dan jin untuk mendapatkan kekuatan batin. Malahan, hukum perbuatan melakukan sihir menurut Islam adalah haram berdasarkan hadis Nabi SAW yang jelas menyenaraikan amalan sihir sebagai salah satu dosa besar.

Hadis Riwayat al-Bukhari dalam kitab *al-Wasaya*, bab *Wasiyaton Ka Masail Ka Bayan*, no. 2766, daripada Abu Hurairah R.A, Nabi SAW bersabda, yang bermaksud:

Terjemahan: Jauhilah tujuh jenis dosa besar yang membinasakan. Sahabat bertanya: Wahai Pesuruh Allah? Apakah dosa-dosa itu? Sabda Baginda: Menyekutukan Allah, sihir, membunuh jiwa yang diharamkan melainkan dengan alasan yang benar, makan riba, makan harta anak yatim, lari daripada perang dan menuduh wanita muhsan beriman yang tidak bersalah dengan tuduhan zina.

Riwayat al-Bukhari: 2766

Hadis ini telah menjelaskan bahawa sihir tidak diterima oleh Allah SWT. Sejarah juga telah membuktikan bahawa sihir bukanlah sesuatu perkara yang baharu, malah, telah wujud sejak zaman Nabi Idris AS lagi iaitu ketika turunnya malaikat Harut dan Marut di negara Babylon. Malaysia juga terpalit dengan budaya sihir ini sehingga berlakunya jenayah akibat daripada penggunaan sihir. Ilmu sihir juga dikatakan sebagai ilmu yang paling kuno yang diamalkan di dunia dan diwarisi daripada nenek moyang sejak bermulanya tamadun manusia sehingga ke hari ini (Abdul Razak Naufal, 1982). Menyokong kenyataan di atas, para sejarawan juga telah berpendapat bahawa penggunaan ilmu sihir dalam masyarakat dunia bermula sejak 5000 tahun sebelum Masihi, di mana sihir dipraktikkan dengan luas dalam tamadun Mesir Purba, Mesopotamia, Rom, Parsi dan tidak ketinggalan tamadun Islam sendiri dan hingga ke hari ini, sihir masih digunakan (Al-'Ashqar, 2002).

Berbalik kepada isu amalan sihir di Malaysia, sihir bukanlah sesuatu yang janggal dan terasing dalam kalangan masyarakat. Hal yang paling membimbangkan ialah penggunaan ilmu hitam sihir ini yang semakin meruncing, di mana sihir digunakan dengan tujuan untuk menyakiti dan menzalimi mangsa. Buktinya, menurut William Shaw (1975), saban tahun, sebilangan rakyat Malaysia meyakini bahawa mereka telah menjadi mangsa buatan ilmu sihir. Selain daripada mencari rawatan untuk mengatasi ilmu sihir tersebut, mereka berusaha untuk 'menghantar' semula buatan sihir itu kepada pelaku asal dengan menggunakan pelbagai medium seperti santau melalui perantaraan bomoh dan jin.

Tragisnya, pelaku sihir tidak dapat dihukum mengakibatkan mangsa sihir tidak dapat dibela kerana Malaysia tidak mengkanunkan sebarang perundangan khas dalam mencegah dan membasmi kesalahan jenayah sihir. Rentetan daripada ketiadaan undang-undang berkenaan jenayah sihir ini, ia memberi dampak besar ke atas status keamanan, keselamatan dan keadilan antara masyarakat. Ironinya, undang-undang Malaysia amat menitikberatkan prinsip-prinsip keadilan sesama manusia selaras dengan Bahagian Kedua Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan perundangan khas untuk membela hak-hak asasi manusia melalui Perkara 5 sehingga Perkara 13. Justeru, prinsip-prinsip keadilan dan kesaksamaan ini juga wajar ditegakkan.

Oleh yang demikian, perlunya satu kajian untuk menilai sejauh mana usaha dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh mahkamah Syariah dalam mewujudkan satu statut untuk melaksanakan undang-undang jenayah sihir di Malaysia dan mencadangkan penyelesaian kepada kemelut jenayah sihir ini agar keharmonian dan keamanan masyarakat di Malaysia khususnya dapat dikekalkan. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan dengan harapan masalah serta cabaran yang dihadapi oleh mahkamah Syariah dalam mewujudkan satu transformasi perundangan dalam jenayah sihir dapat diatasi.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah perpustakaan sebagai sumber yang utama. Ini merangkumi sumber-sumber primer dan sekunder daripada Akta dan statut berkaitan, bahan ilmiah berbentuk artikel, buku akademik serta kes-kes berkaitan sihir yang telah diputuskan di mahkamah. Tujuannya adalah untuk memperoleh hasil kajian yang lebih mantap dan bersifat tulen serta menyeluruh mengenai masalah-masalah yang timbul daripada penggunaan ilmu hitam sihir dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh mahkamah dalam menangani jenayah sihir.

Data kemudiannya dianalisis secara tematik bagi menjawab objektif kajian. Teknik tematik seringkali digunakan dalam penyelidikan kerana ia memberi fokus kepada tema, sub-tema melalui pengumpulan data untuk menjawab masalah dan objektif yang terdapat dalam penyelidikan. Sebagai contoh, dalam kajian berkaitan transformasi perundangan undang-undang jenayah sihir ini, penulis telah membentuk beberapa tema yang melatarbelakangi objektif dan isu kajian bagi memastikan kajian ini kekal pada landasan objektifnya. Antara tema yang dibentuk termasuklah cabaran dalam mewujudkan undang-undang jenayah sihir serta relevansi undang-undang sedia ada, terutamanya mengenai undang-undang keterangan dan pembuktian jenayah sihir di mahkamah. Data yang dikumpul akan ditapis dan dianalisis untuk memastikan kesesuaian dalam menjawab tema-tema yang telah ditetapkan, sekaligus membantu penulis mencapai objektif kajian penyelidikan ini.

ISU DAN CABARAN MELIBATKAN JENAYAH SIHIR DI MALAYSIA

Usaha menangani isu jenayah sihir ini, Malaysia telah lama memberi perhatian khas untuk membendung dan melindungi mangsa sihir. Hal ini dilihat dalam persidangan Muzakarah Jawatankuasa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-33 yang telah bersidang pada 11 Oktober 1993, yang memutuskan bahawa:

“..pihak berkuasa yang berkredibiliti dalam perundangan perlulah menyediakan satu peruntukan undang-undang khusus bagi mengadili pengamal-pengamal yang terbukti sabit melakukan sihir”. (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, JAKIM, 2015).

Keputusan ini jelas menunjukkan bahawa telah terdapat usaha untuk menangani dan mencegah isu penggunaan ilmu hitam sihir dan usaha ini telah dipandang serius oleh pihak-pihak berwajib. Tambahan pula, Muzakarah Pakar: Bentuk Sihir Pengasih dan Metodologi Diagnosis juga telah diadakan pada 16 Disember 2009 telah meluluskan satu resolusi yang bertujuan untuk memohon dan mendesak kerajaan

Malaysia untuk mewujudkan satu peruntukan undang-undang bagi mengadili pengamal ilmu hitam sihir agar tidak terus menyesatkan akidah umat Islam di Malaysia (Jabatan Mufti Selangor, 2009).

Selain itu, terdapat beberapa persidangan, perbincangan, perbahasan lain berkaitan isu jenayah sihir yang melibatkan pakar-pakar perundangan. Antaranya termasuk Muzakarah Pakar: Cabaran Pendakwaan Ahli Sihir di Mahkamah Syariah, Persidangan Menjustifikasikan Ilmu dan amalan Sihir Sebagai Satu Jenayah Berdasarkan Peruntukan Dalam Kanun Keseksaan, Seminar Isu-Isu Semasa Mahkamah Syariah ke-12 (SISMA) yang dijalankan pada 2 November 2011, Persidangan Meja Bulat bagi mewujudkan modul *istitabah* Baitul Iman Negeri Selangor, Seminar Sihir Pemikat dan Pemisah di Sisi Syariat serta Seminar Rawatan Islam dan Perangi Sihir. Semua inisiatif ini jelas menunjukkan kesungguhan pihak berwajib dalam memberi kesedaran kepada masyarakat tentang ancaman sihir dan kewajipan untuk memerangnya, adalah satu usaha yang serius dan tidak boleh dipandang enteng (Jabatan Muft Selangor, 2010; Mahyuddin Ismail, 2011).

Namun, sehingga kini, peruntukan undang-undang khas dan terperinci di peringkat nasional berkenaan jenayah sihir masih belum dikanunkan meskipun pelbagai seminar dan persidangan yang telah diadakan untuk mendidik masyarakat serta golongan berkepentingan mengenai kepentingan mewujudkan dan menguatkuasakan undang-undang khusus mengenai jenayah ini.

Negeri Kelantan telah mengambil langkah proaktif dengan meminda Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019 yang kemudiannya diwartakan mengikut Warta Kerajaan Kelantan pada 31 Disember 2020. Pindaan ini memperkenalkan dua puluh empat peruntukan baharu, antaranya ialah kesalahan sihir. Walau bagaimanapun, sehingga kini, belum ada penjelasan lanjut mengenai prosedur penguatkuasaan undang-undang berkenaan jenayah sihir yang dikemukakan secara terperinci oleh negeri tersebut.

Transformasi perundangan bagi mewujudkan perundangan khas dalam memerangi jenayah sihir perlulah dilaksanakan dengan segera dan tidak hanya kekal sebagai topik perbincangan dalam kertas kerja persidangan dan seminar semata-mata. Hal ini kerana kerajaan Malaysia sendiri komited dalam membanteras kegiatan jenayah. Jenayah seperti mencuri, merompak, mencederakan, membunuh, merogol, dan melakukan khianat bukan sahaja boleh berlaku melalui cara konvensional, malah sudah acapkali kedengaran jenayah-jenayah ini didorong oleh amalan sihir (Mahyudin Ismail, 2011). Oleh itu, bagi merealisasikan komitmen kerajaan dalam membanteras jenayah sebagai salah satu matlamat negara, usaha untuk memerangi jenayah sihir perlu diberi perhatian serius oleh pihak berwajib agar kadar jenayah di negara kita dapat dikurangkan.

Sungguhpun pelbagai usaha telah dijalankan untuk membanteras jenayah sihir melalui seminar dan persidangan, namun, tanpa peruntukan undang-undang yang jelas, ia menjadi satu cabaran yang besar kepada mahkamah Syariah untuk melaksanakannya. Terdapat kes-kes yang dilaporkan melibatkan penggunaan ilmu sihir di mahkamah. Antaranya ialah kes PP V Abdul Rahman Mohamad [2005] 1 CLJ 700, di mana tertuduh telah menggunakan jampi serapah untuk mengkhayalkan mangsa sebelum merogolnya. Fakta kes juga menunjukkan bahawa tertuduh cuba merogol mangsa dengan helah untuk mengubati mangsa daripada penyakitnya dengan cara perubatan tradisional. Kes ini membuktikan kewujudan pengamal perubatan tradisional yang tidak bertauliah dalam kalangan masyarakat yang memanipulasi amalan agama untuk memenuhi nafsu serakah sambil mengaburi mangsa dan keluarganya.

Cabaran yang dihadapi oleh mahkamah di Malaysia bukan sahaja melibatkan ketiadaan undang-undang substantif bagi mengadili jenayah sihir, tetapi juga meliputi aspek keterangan dan pembuktian dalam prosiding di mahkamah. Hal ini disebabkan oleh sifat sihir itu sendiri yang melibatkan elemen-elemen ghaib seperti jin dan makhluk halus, yang menjadikan proses pembuktian jenayah sihir amat sukar. Untuk membuktikan bahawa sesuatu jenayah itu adalah jenayah sihir, satu mekanisme pembuktian yang mantap dan bersepadu diperlukan. Mekanisme ini mesti dikendalikan oleh pihak perundangan yang kredibel, kerana keterangan dan pembuktian yang kukuh inilah yang akan menentukan sama ada tertuduh benar-benar bersalah atau tidak (Mahyudin Ismail, 2011).

Ketiadaan undang-undang khusus mengenai jenayah sihir merupakan cabaran utama bagi pihak perundangan dalam proses pendakwaan dan penguatkuasaan. Kanun Keseksaan Malaysia tidak merangkumi aspek pembuktian jenayah sihir. Misalannya bagi kesalahan mematikan orang dengan salah (seksyen 299 Kanun Keseksaan) dan kesalahan membunuh (seksyen 300 Kanun Keseksaan), elemen 'niat' dan 'pengetahuan' atau *mens rea* diperlukan untuk mensabitkan kedua-dua kesalahan tersebut.

Dalam jenayah sihir, seseorang yang berhasrat untuk mematikan orang lain dengan ilmu hitam sihir pasti mempunyai niat yang dapat dikenalpasti melalui alatan dan bentuk sihir yang digunakan. Contohnya, sihir bentuk pujaan tengkorak atau patung, di mana jarum, pisau, besi atau apa sahaja alatan tajam yang dipuja ditusuk ke bahagian jantung atau otak patung tersebut, dengan niat agar sihir tersebut membunuh mangsanya. Ini menunjukkan wujudnya elemen *mens rea* dalam upacara sihir ini kerana ahli sihir menggunakan alatan dan bentuk sihir yang jelas boleh mematikan mangsanya (Patrick Curry, 1989).

Berdasarkan perbincangan di atas, jelas terdapat kes jenayah melibatkan sihir, namun unsur sihir tidak dapat dibuktikan di mahkamah kerana ketiadaan peruntukan undang-undang yang jelas mengenai jenayah sihir di Malaysia. Oleh itu, kajian yang mendalam perlu dilakukan untuk mencadangkan langkah-langkah yang boleh diambil oleh badan perundangan dan pihak kerajaan bagi mewujudkan peruntukan khas untuk jenayah sihir. Ini penting supaya jenayah sihir ini dapat diperangi dengan lebih berkesan demi keharmonian rakyat Malaysia dan memastikan pelaksanaan undang-undang berkaitan jenayah sihir di Mahkamah syariah Malaysia ini lebih jelas dan bukan sekadar retorik sahaja.

Bagi konteks masyarakat umum, cadangan untuk mewujudkan peruntukan undang-undang bagi mencegah jenayah sihir menimbulkan pelbagai reaksi. Ada yang bersetuju dengan cadangan ini, sebahagian pula tidak setuju, manakala sebilangan lagi tidak mengambil cakna tentang isu ini. Walau bagaimanapun, cadangan untuk mewujudkan undang-undang jenayah sihir telah lama dibahas di Malaysia, kerana terdapat keperluan mendesak untuk memastikan undang-undang ini dilaksanakan bagi menangani jenayah sihir dengan lebih berkesan.

JUSTIFIKASI KEPERLUAN KEPADA PENGGUBALAN UNDANG-UNDANG JENAYAH SIHIR

a. Penglibatan masyarakat dalam jenayah sihir semakin meruncing

Keperluan utama untuk undang-undang ini adalah kerana terdapat segelintir masyarakat yang menyalahgunakan ilmu sihir untuk tujuan buruk, yang boleh membawa kepada jenayah serius seperti mencederakan, dan lebih parah lagi, menyebabkan kematian mangsa. Dikalangan masyarakat Melayu di Malaysia, terdapat golongan perawat yang menggelarkan diri mereka sebagai perawat Islam, ustaz, atau kiai, namun sebenarnya menggunakan sihir tanpa disedari (Mahyudin Ismail, 2011).

Keadaan ini berlaku kerana golongan tersebut mengamalkan ilmu sihir tanpa menyedari tipu daya jin, syaitan, dan iblis di sebaliknya. Mereka tidak menyelidiki asal usul ilmu tersebut atau gagal memahami asas yang diperlukan oleh seorang Muslim, terutama dalam memperkukuhkan akidah dan kekuatan rohani ketika menjalankan rawatan. Lebih mengejutkan, penyalahgunaan sihir ini bukan sahaja berlaku dalam kalangan masyarakat awam, tetapi juga melibatkan golongan elit seperti artis, selebriti, ahli politik, cendekiawan, ahli korporat, dan bahkan anggota institusi keagamaan. Walaupun sihir dianggap tabu dalam masyarakat, masih tiada usaha yang konsisten untuk membanterasnya (Mahyudin Ismail, 2011).

Walaupun begitu, perlu diingat bahawa penyalahgunaan ilmu hitam sihir bukanlah perkara baharu. Ia telah diamalkan sejak zaman dahulu dan bukan hanya terbatas kepada masyarakat Malaysia, tetapi juga melibatkan hampir semua bangsa di dunia. Sebagai bukti, selepas kejatuhan Empayar Rom pada 4 September 476 Masihi, dunia Barat memasuki Zaman Gelap, di mana amalan sihir menjadi kebiasaan (Mahyudin Ismail, 2011). Ini turut disokong oleh Martin Luther yang menyatakan bahawa amalan sihir pada zaman gelap Rom adalah satu perkara yang sudah menjadi kebiasaan dalam kalangan masyarakat

mereka (Patrick Curry, 1989). Dengan bantuan iblis, ahli sihir berupaya mencuri susu hanya dengan memikirkan perihal lembu tersebut. Bertitik tolak daripada itu, Martin Luther menegaskan:

“Kamu tidak patut menunjukkan rasa kasihan kepada pengamal sihir; aku sendiri akan membakar mereka, kerana kita tahu di dalam undang-undang, paderi adalah orang yang mula-mula akan merejam batu kepada penjenayah”. (Wiesner-Hanks & Karant-Nunn, 2003).

Oleh itu, terdapat persamaan antara amalan sihir yang diamalkan oleh masyarakat terdahulu dengan apa yang ada pada hari ini. Persamaan ini juga boleh dilihat dalam kepercayaan dan pegangan masyarakat Barat, serta pelbagai tempat di dunia. Kenyataan ini menunjukkan ilmu sihir berpunca daripada satu sumber dan disebar serta diamalkan oleh sejumlah manusia di serata dunia.

Bukan itu sahaja, terdapat kesinambungan dalam kaedah pengamalan sihir antara tamadun terdahulu dengan apa yang dilakukan pada hari ini. Sebagai contoh, dalam tamadun Mesopotamia, sihir melibatkan teknik seperti memanggil jin, syaitan, dan iblis dengan menggunakan darah burung atau pemujaan bahan tertentu, serta melukis rajah dalam upacara sihir. Kenyataan ini disokong oleh teks sihir dari dunia Arab yang dikenali sebagai *Picatrix* (Patrick Curry, 1989).

Teks ini dipercayai mengandungi formula serupa dengan kandungan buku *A Manual of Demonic Magic*, yang disimpan di Muzium Negeri Bavaria, Munich. Buku tersebut memberikan panduan untuk menyeru syaitan melalui rajah-rajah tertentu dan menggunakan alatan tajam seperti pedang, jarum, pisau, serta bahan kotor seperti darah, najis, dan juga barang-barang seperti patung, gambar mangsa, tulang tengkorak, kain, atau tali simpulan. Biasanya, kesemua bahan ini digunakan dalam upacara seruan nama-nama tertentu. Hal ini menunjukkan pewarisan ilmu sihir antara tamadun yang berlangsung dari satu generasi ke generasi seterusnya hingga ke akhir zaman (Mahyudin Ismail, 2011).

b. Tiada penyelesaian dan pembelaan bagi kes-kes kritikal melibatkan jenayah sihir

Keperluan untuk mewujudkan undang-undang mengenai jenayah sihir adalah kerana kes-kes kritikal yang melibatkan unsur sihir tanpa sebarang penyelesaian atau pembelaan sewajarnya. Walaupun undang-undang jenayah sihir belum secara rasminya dikuatkuasakan, analisis kes-kes tersebut menunjukkan bahawa elemen-elemen penggunaan ilmu sihir sememangnya wujud dan memerlukan perhatian perundangan (Najwa Farhana Wahid, 2015).

Berdasarkan analisis dokumentasi ke atas beberapa artikel dan kes yang diputuskan dan dilaporkan di dalam *Malaysia Law Journal*, *Cuurent Law Journal*, *Malayan Unreported Judgements* dan *Jurnal Hukum*, didapati bahawa kes-kes yang wujudnya elemen-elemen sihir ini bukan sahaja melibatkan orang Islam, bahkan terdapat juga kes yang melibatkan orang bukan Islam. Dapatan ini juga menunjukkan terdapat banyak kes jenayah dan sivil yang melibatkan unsur sihir dibawa dan didengar di mahkamah. Namun, batasan pengetahuan serta ketiadaan statut yang berkaitan menatijahkan badan kehakiman hanya memutuskan apa yang zahir sahaja di hadapan mereka.

Jarang sekali pihak mahkamah menyiasat lebih lanjut bagi membongkar kewujudan objek halus dan ghaib yang menjadi pendorong ataupun penyebab kepada kejadian sesuatu jenayah. Bukan itu sahaja, terdapat fakta kes yang jelas menunjukkan unsur penggunaan ilmu sihir dalam jenayah, tetapi terpaksa dipinggirkan kerana tiada isu dan bukti yang kukuh untuk diketengahkan di mahkamah sewaktu perbicaraan.

Kajian ini menilai secara khusus kes-kes yang diputuskan oleh mahkamah, baik jenayah mahupun sivil yang berkaitan dengan penggunaan ilmu sihir. Dapatan menunjukkan bahawa kebanyakan kes yang diputuskan di mahkamah adalah melibatkan kes jenayah sivil yang seharusnya di adili di mahkamah sivil. Sementara itu, kes-kes yang didengar di mahkamah syariah hanya melibatkan kes mal dan tidak melibatkan jenayah seperti kes perceraian antara pasangan suami isteri.

Kes jenayah yang dirujuk adalah kes Juraimi bin Anor v PP [1998] 1 MLJ 537. Dalam kes ini, Mona Fandey, bersama suami dan pembantunya telah didapati bersalah atas kesalahan membunuh ADUN kawasan Batu Talam, iaitu Dato' Mazlan Idris. Sebelum kejadian itu, arwah Dato' Mazlan telah pergi menemui Mona Fandey, yang pada ketika itu terkenal sebagai bomoh, untuk mendapatkan bantuan dalam meningkatkan kerjayanya dalam bidang politik. Mona Fandey berjanji kepada mangsa bahawa hasratnya akan tercapai sekiranya beliau memiliki tangkal azimat yang mengandungi sebilah rotan dan penutup kepala, yang mana kedua-dua bahan ini dimiliki oleh Sukarno, mantan presiden Indonesia.

Mona Fandey meyakinkan mangsa bahawa dengan memiliki tangkal tersebut, beliau akan menjadi kebal. Sebagai imbalan, mangsa perlu membayar RM 2.5 juta sebagai upah bagi mendapatkan barang-barang tersebut. Mangsa telah membayar RM500 ribu sebagai deposit dan memberikan 10 keping geran tanah sebagai jaminan bagi baki RM 2 juta. Pada hari kejadian, mangsa menjalani upacara 'penyucian' di rumah Mona Fandey. Dalam upacara tersebut, mangsa diminta berbaring di atas lantai sementara Mona Fandey menabur bunga-bunga di atas badannya. Mangsa juga diminta supaya menutup matanya dan menunggu kononnya wang akan jatuh daripada langit.

Perayu pertama, iaitu pembantu Mona Fandey, seterusnya memenggal kepala mangsa dengan menggunakan kapak sehingga putus. Kemudian, beliau mengerat anggota badan mangsa kepada 18 bahagian dan menanam kesemua ceraihan anggota tubuh badan mangsa itu ke dalam lubang di sebuah bilik stor. Ketiga-tiga perayu yang dijatuhkan hukuman mati merayu kepada mahkamah atas sabitan tersebut namun rayuan mereka ditolak. Kes ini telah menggemparkan rakyat Malaysia kerana mangsa merupakan seorang individu yang berpengaruh dan juga seorang wakil rakyat di Batu Talam.

Bagi kes ini, perbicaraan berjalan selama 69 hari telah menarik perhatian masyarakat sehingga kes ini menjadi tajuk utama akhbar-akhbar di Malaysia pada masa tersebut. Dalam konteks ini, perhatian yang diberikan ini adalah isyarat bahawa masyarakat Malaysia sememangnya berminat untuk mengetahui hakikat sebenar yang berlaku dan bagaimana entiti kehakiman dapat menangani kes-kes melibatkan sihir. Selain itu, kes ini dilihat secara jelas memberi mesej kepada masyarakat berkaitan kepercayaan kepada kemampuan ilmu-ilmu mistik bagi merealisasikan hasrat individu tidak terhad kepada masyarakat awam sahaja bahkan turut melibatkan golongan elit, ternama dan berpendidikan tinggi.

Menurut perbicaraan ini, perayu pertama turut mengemukakan pembelaan dengan menyatakan tindakan beliau adalah di luar kawalan dan kesedarannya kerana beliau telah dipukau oleh Mona Fandey sehingga dia melakukan apa sahaja yang diarahkan tanpa bantahan. Walaupun elemen itu wujud, tetapi dalam kes ini, mahkamah tidak dapat menerima keterangan pembelaan sedemikian dalam perbicaraan, kerana tiada peruntukan dalam undang-undang. Tumpuan hanya diberikan kepada aspek penerimaan keterangan yang diambil tertuduh semasa dalam siasatan pihak polis. Tiada langsung usaha atau percubaan untuk membongkar motif yang mendorong pembunuhan secara aneh ini dilakukan.

Fakta kes ini telah menunjukkan bahawa pembunuhan ADUN Batu Talam dilakukan dengan kaedah dan upacara yang kelihatan agak luar biasa dan berbeza daripada kaedah biasa sesuatu jenayah bunuh dilakukan. Hal ini kerana upacara penyucian tersebut menggunakan bunga-bunga, kepala mangsa dipenggal dan anggota tubuhnya diceraikan serta ditanam secara berasingan. Maka, pembunuhan yang dilakukan di dalam kes ini berkemungkinan besar melibatkan upacara korban dan pemujaan untuk makhluk halus dan ini membuktikan bahawa wujudnya elemen ilmu sihir digunakan dalam melakukan jenayah bunuh ini.

Kes jenayah lain yang melibatkan pembunuhan orang bukan Islam ialah kes Tan Mui Choo & Anor v Public Prosecutor [1987] 1 MLJ 267 48. Dalam kes ini, pihak berkuasa tidak dapat mendakwa tertuduh atas jenayah berkaitan sihir seperti memperkosa dan menipu mangsa dalam keadaan mangsa dipukau. Sebaliknya, tindakan hanya dapat diambil setelah tertuduh membunuh dua orang kanak-kanak, namun kes tersebut tidak dapat dikaitkan dengan amalan ilmu sihir oleh pelaku.

Fakta kes secara ringkas menyatakan bahawa Andrian Lim, suami kepada perayu pertama, merupakan seorang individu yang terlibat secara aktif dalam pengamalan ilmu sihir. Beliau menggunakan upacara pemujaan ilmu hitam sihir ini dengan menjadikan individu yang menghadapi kesusahan, terutamanya golongan wanita, sebagai mangsa. Sepanjang pengamalannya, pelbagai jenayah dan aktiviti tidak bermoral dilakukan, yang dikaitkan dengan ilmu hitam. Antara jenayah tersebut termasuk pelacuran, penipuan, mencabul kehormatan dan merogol.

Kemuncak kes ini berlaku apabila tertuduh bersama-sama perayu melakukan pembunuhan kejam terhadap dua orang kanak-kanak. Pembunuhan tersebut amat tidak berperikemanusiaan dan penuh dengan elemen kesyaitanan akibat pengaruh ilmu hitam yang sebatikan dalam dirinya. Berdasarkan fakta kes, perayu kedua menoreh jari Agnes dan menghisap darah yang mengalir daripada luka jari kanak-kanak tersebut sebelum melemahkan mangsa. Perkara yang sama turut dilakukan kepada mangsa kedua yang juga merupakan seorang kanak-kanak bernama Marzuki. Namun dalam kes Marzuki, perayu telah menadah darah yang mengalir daripada jari kanak-kanak tersebut sebelum menjilat dan meminum darah tersebut.

Mahkamah mengekalkan sabitan dan hukuman ke atas perayu selepas mendapati bahawa perayu-perayu terbukti dengan sengaja melakukan pembunuhan tanpa pengaruh penyakit mental atau paksaan. Berdasarkan kronologi kes dan jenis jenayah yang dilakukan terhadap mangsa-mangsa, dapat dirumuskan bahawa kelakuan penjenayah, yang dipengaruhi oleh ilmu hitam, menjadikan pembunuhan tersebut berbeza daripada jenayah bunuh biasa serta sarat dengan unsur pemujaan makhluk halus. Walau bagaimanapun, mahkamah sekali lagi gagal mengambil tindakan undang-undang terhadap Andrian Lim, yang terbukti mengamalkan dan menggunakan sihir dalam menjayakan jenayah-jenayah tersebut.

Seterusnya, dalam kes Francis A/L Amthonsamy v Public Prosecutor [2003] 2 MLJ 49, perayu telah disabitkan atas kesalahan menyebabkan kematian seorang warga Bangladesh, Ali Ahammed Mohammed Ullah. Perayu didapati memenggal kepala mangsa dengan tujuan mendapatkan tengkorak kepala mangsa. Tujuan perayu mengambil tengkorak kepala mangsa adalah untuk dijadikan bahan pujaan dan diserahkan kepada seorang bomoh dengan harapan perayu dapat memenangi loteri empat digit. Walaupun pihak perayu mendatangkan hujah pembelaan iaitu mabuk atau tidak sedar diri, tetapi pembelaan perayu gagal dan mahkamah rayuan mengekalkan sabitan ke atas perayu.

Ringkasnya, kes ini tidak membahaskan dengan lebih mendalam tentang kewujudan elemen sihir atau ilmu hitam yang menjadi salah satu motif pembunuhan. Jika diamati, dapat difahami dengan jelas bahawa perayu percaya dengan menggunakan tengkorak manusia dan bantuan bomoh, perayu berkemungkinan besar akan memenangi loteri tersebut. Oleh itu, ilmu sihir secara tidak langsung berupaya mempengaruhi individu yang tamakkan kekayaan sehingga sanggup melakukan jenayah kejam bagi menjayakan keinginan mereka. Walaupun kes ini secara langsung menunjukkan kewujudan ilmu sihir yang mendorong perlakuan jenayah, namun mahkamah tidak dapat mensabitkan apa-apa hukuman bagi pelaku berkenaan ilmu sihir kerana berdasarkan undang-undang semasa, ilmu sihir tidak termasuk dalam kategori jenayah.

Kes seterusnya turut melibatkan jenayah bunuh iaitu kes rayuan Dato' Mokhtar Hashim dan Rahmat Satiman Prosecutor [1983] 2 MLJ 232 berhubung sabitan atas kesalahan membunuh Dato' Mohamad Taha Talib. Pada peringkat awal, kes ini dibicarakan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, namun akhirnya dua orang tertuduh dibebaskan daripada pertuduhan kerana kes tidak mencapai tahap *prima facie*. Namun begitu, suspek utama kes, Dato' Mokhtar dan dua orang lagi tertuduh tetap disabitkan. Menariknya dalam kes ini adalah helah suspek yang menggunakan bomoh dan ilmu hitam dalam usaha jahat mereka untuk menjatuhkan musuh politik.

Menurut Rahmat Satiman, salah seorang perayu, beliau telah diarahkan oleh Dato' Mokhtar untuk mendapatkan seorang bomoh bagi melemahkan kuasa yang dimiliki oleh Dato' Taha, mangsa dalam kes ini dan juga musuh politik kepada Dato' Mokhtar. Setelah bertemu dengan bomoh yang turut dikenali sebagai 'Lek' di Skudai, Johor, Rahmat Satiman diberikan sejumlah kemenyan yang bertujuan untuk:

- a. Ditaburkan di laluan yang sering digunakan oleh Dato' Taha untuk melemahkan mangsa.

- b. Dibakar dan diasapkan di halaman rumah Dato' Taha untuk mengatasi segala kuasa ghaib yang dimiliki oleh Dato' Taha.
- c. Dimakan ataupun dipakai oleh mereka yang terlibat supaya kata-kata atau arahan mereka dituruti oleh orang lain.

Sekembalinya ke Gemas, Rahmat Satiman membahagikan kemenyan itu kepada Dato' Mokhtar, Abdullah Ambik, Aziz P.J.K, Nordin Johan dan untuk dirinya sendiri. Apabila kesemua suspek ini tiba di hadapan rumah Dato' Taha, Rahmat Satiman menaburkan kemenyan tersebut ke sekeliling rumah Dato' Taha dan membakar kemenyan yang berbaki. Tindakan Rahmat Satiman ini membuktikan bahawa wujudnya penggunaan ilmu sihir dengan niat jahat bagi memudahkan pelaksanaan jenayah yang telah dirancang sejak awal.

Hakim turut menyatakan bahawa tindakan Rahmat Satiman yang membekalkan kemenyan dan mengasapkannya di sekeliling rumah Dato' Taha dengan tujuan untuk melemahkan Dato' Taha adalah sebahagian daripada rancangan untuk menyempurnakan jenayah bunuh itu. Sekali lagi, didapati mahkamah gagal mensabitkan kesemua tertuduh atas kesalahan menggunakan ilmu sihir bagi menjatuhkan Dato' Taha sebaliknya, hanya tiga orang tertuduh disabitkan atas kesalahan bersubahat dalam rancangan membunuh, iaitu Dato' Mokhtar dan Rahmat Satiman serta seorang lagi perayu, manakala dua orang lagi tertuduh dilepaskan.

Di samping kes jenayah bunuh, terdapat juga kes jenayah kejam lain seperti kes PP v. Abdul Rahman Mohamad [2005] 1 CLJ 700 yang melibatkan jenayah rogol. Fakta kes secara ringkas menyatakan tertuduh telah dibicarakan dan disabitkan di Mahkamah Sesyen atas jenayah merogol pengadu, iaitu seorang gadis berumur 20 tahun. Tertuduh didapati merogol pengadu beberapa kali dalam tempoh tiga bulan dengan helah merawat pengadu yang menghidap penyakit misteri melalui kaedah perubatan batin. Bagi tempoh rawatan yang dikatakan itu, pengadu diminta untuk menetap bersama di rumah keluarga tertuduh dan sesi terapi yang dijalankan dikatakan didahului dengan bacaan ayat-ayat suci al-Quran, zikir atas nama Allah SWT, dan diikuti dengan perlakuan seksual.

Pihak pendakwaan berhujah bahawa, sewaktu perlakuan seksual dilakukan ke atas pengadu, pengadu telah diyakinkan oleh tertuduh bahawa perlakuan seksual itu adalah ketentuan dan takdir Tuhan dan seandainya pengadu enggan menuruti kemahuan tertuduh, maka pengadu akan menjadi gila atau menemui ajal. Walau bagaimanapun, setelah dibicarakan tertuduh didapati bersalah dan dijatuhi hukuman lapan tahun penjara serta lapan kali sebatan. Pada awalnya, Mahkamah Tinggi mengeneppikan sabitan ke atas tertuduh, namun hakim di Mahkamah Rayuan mengekalkan sabitan hukuman itu.

Kes ini merupakan contoh pengamal sihir yang secara terang-terangan mengaplikasikan amalan yang kononnya bertunjangkan agama Islam, namun hakikatnya bertujuan sekadar untuk mengaburi mangsa dan keluarganya. Penggunaan ayat-ayat suci al-Quran dan zikir-zikir diseleweng dengan sesuka hati dan dijadikan alat demi merealisasikan nafsu serakah manusia. Walaupun tertuduh cuba menyembunyikan niat jahatnya disebalik amalan agama, ia tetap tidak dapat melindungi amalan khurafat yang turut dipengaruhi oleh ilmu sihir kerana jelas secara terang-terangan tertuduh melakukan amalan-amalan yang bertentangan dengan kaedah perubatan biasa. Perkara ini amat merunsingkan memandangkan kebanyakan mangsa tidak menyedari kelakuan sumbang penjenayah ini, namun mereka terpaksa merelakan apa sahaja yang dilakukan oleh penjenayah dengan harapan ia dapat membantu menyembuhkan penyakit mereka (Sudipto Sarkar & VR Manohar, 2023).

CADANGAN PENGGUBALAN UNDANG-UNDANG DAN PEMBENTUKAN JABATAN SIASATAN JENAYAH SIHIR

Setelah membincangkan mengenai keperluan yang mendesak kewujudan undang-undang jenayah sihir, terdapat cadangan untuk menggubal satu Akta yang dinamakan sebagai Akta Kesalahan Jenayah Sihir

(Mahyuddin Ismail, 2019). Proses dan draf undang-undang ini telah dirangka dan kini masih berada pada tahap perbahasan di Parlimen Malaysia (Farah Najwa Mazida & Siti Aisyah Samudin, 2022).

Secara ringkasnya, draf Rang Undang-Undang (RUU) ini memperuntukkan 49 peruntukan pada Bahagian I sehingga Bahagian VI. Pada Bahagian VII, terdapat borang berkenaan Borang Aduan dan Siasatan Jenayah serta Borang Soal Siasat Jenayah Sihir. Di akhir Bahagian VII juga terdapat dua jadual iaitu Jadual Pertama: Kaedah Pemujaan dalam Ilmu Sihir serta Jadual Kedua: Alatan Sihir Yang Digunakan Berdasarkan Tujuan (Mahyuddin Ismail, 2019).

Sebagaimana statut kesalahan jenayah yang lain, draf RUU ini secara keseluruhannya memperuntukkan berkenaan dengan jenis-jenis kesalahan yang dilakukan dengan menggunakan ilmu sihir serta hukuman bagi setiap kesalahan tersebut. Draf RUU ini turut mempunyai peruntukan khusus yang menyentuh soal prosedur dan tatacara untuk melaksanakan siasatan dan jenis-jenis keterangan yang boleh diterima pakai dalam mahkamah untuk membantu proses pendakwaan kes-kes jenayah yang dilakukan dengan ilmu sihir.

Untuk menjadikan siasatan lebih telus, terjamin dan hanya bukti yang sah sahaja yang diambil sewaktu keterangan dilakukan, terdapat cadangan agar satu Jabatan Siasatan Jenayah Sihir ditubuhkan di bawah Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang berperanan untuk:

- a. Menerima dan menimbangkan apa-apa sahaja aduan berkaitan kesalahan yang diperuntukkan di bawah Akta Jenayah Sihir dan melakukan siasatan atas aduan tersebut;
- b. Mengesan, mengenalpasti dan menyiasat apa-apa sahaja kegiatan atau perlakuan yang menimbulkan keraguan munasabah, (*reasonable doubt*) sebarang bentuk komplot atau percubaan bagi melakukan apa-apa kesalahan yang telah diperuntukkan dalam akta jenayah sihir;
- c. Mengkaji dan membuat penelitian berkaitan segala aspek serta prosedur-prosedur dan bahan-bahan bukti yang boleh disabitkan kepada sihir dengan tujuan bagi memudahkan penemuan dan pembuktian sesuatu kesalahan di bawah Akta Jenayah Sihir;
- d. Membantu proses pendakwaan dengan menghasilkan siasatan yang berkualiti, konkrit dan jelas agar tertuduh dapat didakwa di mahkamah;
- e. Memastikan ketelusan integriti dan kredibiliti pegawai yang menjalankan siasatan lebih terjamin, di samping memaksimumkan kepakaran sumber alatan teknologi moden dan tenaga manusia;
- f. Mengawalselia dan melakukan pemantauan aktiviti yang dilaksanakan oleh pusat-pusat rawatan tradisional yang turut dilantik sebagai panel siasatan khas bagi membantu siasatan;
- g. Menyampaikan maklumat yang benar dan sah agar kefahaman dapat disampaikan kepada masyarakat secara berkala dalam jangka masa panjang, contohnya melalui latihan, seminar, kursus, pameran, mesyuarat, perjumpaan, hebahan media massa dan elektronik ataupun melalui apa-apa medium agar maklumat berkenaan inti pati undang-undang jenayah sihir ini boleh diwar-warkan dengan cepat dan tepat.

Melihat kepada aspek organisasi pula, disarankan agar Jabatan Siasatan Jenayah Sihir mempunyai struktur organisasi yang sama dengan Jabatan Siasatan Jenayah oleh Polis Diraja Malaysia. Namun, kerana Jabatan Siasatan Jenayah Sihir terlibat dengan perkara-perkara ghaib yang tidak dapat dinilai dengan mata kasar atau pancaindera biasa, Jabatan ini perlu mempunyai beberapa cawangan yang lebih khusus dan kompleks. Lembaga Penasihat Khas kepada Jabatan Siasatan Jenayah Sihir merupakan cawangan terpenting bagi jabatan ini. Lembaga ini dinamakan sebagai Lembaga Penasihat Jenayah Sihir dan berfungsi untuk perkara-perkara berikut:

- a. Menjadi penasihat kepada Jabatan Siasatan Jenayah Sihir berkaitan semua aspek, isu berbangkit dan masalah yang berkaitan ilmu sihir di Malaysia;
- b. Menyediakan silibus dan kursus yang berkaitan dengan ilmu sihir untuk pegawai dan kakitangan Jabatan Siasatan Jenayah Sihir agar mereka dapat memahami teknik-teknik serta asas kegiatan jenayah sihir supaya memudahkan pelaksanaan tugas mereka;
- c. Melantik, mengiktiraf serta menyediakan sijil watikah pelantikan khas kepada pusat-pusat rawatan tradisional mahupun moden yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sebagai panel rujukan dan rundingan bagi membantu jabatan melicinkan gerak kerja siasatan khas ke atas mangsa sihir dan;
- d. Memberi pandangan serta kepastian di mahkamah sebagai keterangan sokongan, sekiranya diperlukan.

Pegawai-pegawai yang dilantik sebagai anggota dalam jabatan penasihat ini perlulah terdiri dalam kalangan individu yang penuh dedikasi, mempunyai integriti yang tinggi, reputasi yang baik, kredibiliti yang kukuh, baik dari segi akademik mahupun sahsiah. Mereka juga harus berpengalaman luas dalam profesion berkaitan. Individu tersebut mestilah mempunyai latar belakang yang bersih daripada sebarang bentuk jenayah, baik jenayah sivil mahupun jenayah syariah. Ia termasuklah individu tersebut tidak pernah terlibat dalam aktiviti atau dakyah yang menyeleweng daripada akidah agama Islam, serta tidak berkelakuan buruk atau bertentangan dengan adat.

Setelah pembentukan Jabatan Siasatan Jenayah Sihir ini berjaya, prosedur biasa pengaduan, siasatan, pengeledahan, tangkapan, pendakwaan, perbicaraan dan keputusan kes akan dijalankan seperti biasa. Walaupun tatacara dan prosedur yang dilaksanakan hampir sama, namun terdapat beberapa kaedah khas yang mesti dipatuhi dalam menguruskan siasatan kes jenayah sihir.

Menurut Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Zainuddin Yaacob, beliau menyatakan sehingga 31 Mac 2021, Selangor mendahului dengan merekodkan 1,050 kes, diikuti Kuala Lumpur (615) dan Johor (497). Ini adalah sebahagian daripada keseluruhan 5,078 kes penipuan yang dilaporkan di seluruh negara pada tempoh itu, yang mana kes jenayah penipuan ini turut melibatkan penipuan pengamal perubatan Islam dan tradisional. (Zuliyati Zulkiffli, 2021).

Jika golongan pakar ilmu sihir ini hanya bergantung kepada pihak berkuasa tempatan seperti polis, kerja penyiasatan akan menghadapi banyak cabaran. Ini secara tidak langsung menyumbang kepada kesukaran mencari dan mengumpul bukti serta keterangan. Prosedur untuk membuktikan wujudnya jenayah sihir bukan sahaja perlu kepada kerjasama daripada pihak polis, malah ia juga memerlukan tenaga dan sokongan jitu daripada pengamal perubatan Islam dan pakar forensik umumnya.

KESIMPULAN

Keanekaan adat, budaya setempat, lokaliti bangsa dan agama menimbulkan kepelbagaian dalam pengamalan ilmu sihir serta bahan yang digunakan untuk melakukan sihir juga berbeza-beza mengikut tempat dan masa. Namun, kepelbagaian ini hanya berfungsi sebagai jendela yang melindungi hakikat sebenar bagaimana ilmu sihir itu dilakukan supaya masyarakat menyangka ilmu sihir adalah satu ilmu yang penuh magis dan sukar dicapai dek akal manusia. Sepertimana yang diterangkan pada pendahuluan penulisan ini, masyarakat yang mengamalkan ilmu sihir ini sebenarnya telah dikaburi mata mereka kerana hakikatnya, mereka tidak sedar sihir ini semestinya perlu melibatkan urusan haram antara makhluk halus yang boleh terdiri daripada jin, syaitan dan iblis. Kejadian fizikal bukan semata-mata boleh berlaku kerana depresi, namun ia juga boleh berpunca daripada gangguan makhluk halus seperti jin dan iblis melalui hantaran sihir.

Usaha untuk menjustifikasikan sihir sebagai satu jenayah dan tidak terkeliru dengan jenayah lain, kepakaran individu dalam membuktikan kewujudan sihir amat penting, terutama jika kes ini di bawa ke mahkamah. Ini kerana, kesan daripada sihir sering dianggap sama dengan tanda-tanda yang dialami oleh mangsa yang diserang saka atau yang terjejas oleh makhluk halus yang mendampingiinya akibat amalan yang salah. Oleh itu, pengiktirafan terhadap pakar perlu dilakukan dengan teliti berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh undang-undang dan syarak.

Dari perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa kes-kes yang melibatkan jenayah di Malaysia ini memerlukan perhatian dan penilaian semula agar pelaku sihir dapat dihadapkan ke muka pengadilan. Kajian ini mendapati bahawa isu sihir tiadak boleh dianggap remeh atau sekadar kertas kerja persidangan sahaja, namun ia perlu disusuli dengan tindakan segera seperti penggubalan undang-undang. Pihak berwajib perlu bekerjasama mencari penyelesaian kerana kesan ilmu sihir lebih parah daripada jenayah biasa. Oleh itu, diharapkan kajian ini dapat membuka mata pihak berwajib tentang pentingnya penggubalan undang-undang berkenaan jenayah sihir ini di Malaysia.

PENGHARGAAN

Jutaan penghargaan dirakamkan kepada semua pihak yang terlibat atas kesudian memberi buah fikiran dan pandangan selaras dengan peruntukan undang-undang negara berkaitan Jenayah Sihir: Cadangan Pengknanun Undang-undang Jenayah Sihir di Malaysia.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengesahkan tiada konflik kepentingan dalam penulisan artikel ini sama ada atas kapasiti peribadi atau faktor kewangan dan selainnya.

SUMBANGAN PENULIS

Penulis pertama membentuk kerangka kajian dan merupakan pengarang penghubung bagi artikel ini. Manakala penulis kedua mengumpulkan bahan literatur dan merangka draf penulisan artikel.

RUJUKAN

- Abdul Razak Naufal. (1982). *Sihir Tarut, Marut*. Singapura: Percetakan Nasional.
- Al-‘Ashqar, Umar Sulayman. (2002). *Alam al-Sihri wa al-Sha 'wazah*. Jordan: Dar al-Nafa'is.
- Farah Najwa Mazida & Siti Aisyah Samudin. (2022). Keperluan Rang Undang-Undang 355: Analisis Terhadap Usul Persendirian Yang Berhormat Ahli Parlimen Marang. *Journal of Contemporary Islamic Studies (JCIS)*, 8 (1): 20. pp. 1-20.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015). *Bahagian Pengurusan Fatwa, Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Selangor: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Bahagian Pengurusan Fatwa.
- Jabatan Mufti Selangor dengan kerjasama Professional Islamic Support and Nurture Group (PISANG). (2009). “*Muzakarah Pakar: Bentuk-Bentuk Sihir Pengasih dan Metodologi Diagnosis*”. Muzakarah dijalankan di Dewan Undangan Negeri Selangor, Selangor, Disember 16.
- Jabatan Mufti Selangor dengan kerjasama Professional Islamic Support and Nurture Group (PISANG). (2010). “*Muzakarah Pakar ke-2: Cabaran Pendakwaan Pesalah Sihir di Mahkamah Syariah*”, (Muzakarah dijalankan di Dewan Undangan Negeri Selangor, Selangor pada 21 Julai 2010).

- Mahyuddin Ismail. (2011). *Ahli Sihir ke Tali Gantung*. Kuala Lumpur: PTS Millenia Sdn. Bhd.
- Mahyuddin Ismail. (2019). Menjustifikasikan Ilmu dan Amalan Sihir Sebagai Satu Jenayah Berdasarkan Peruntukan dalam Kanun Keseksaan. *Jurnal Pendidikan Serantau*. Universiti Malaysia Pahang: Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan.
- Wiesner-Hanks, Merry & Karant-Nunn, Susan. (2003). *Luther on Women: A Sourcebook*. Cambridge University Press, Cambridge, United Kingdom.
- Najwa Farhana Wahid. (2015). *Transformasi Dalam Perundangan: Langkah-Langkah Yang Boleh Diambil Oleh Mahkamah Syariah Di Malaysia Dalam Menangani Jenayah Sihir*. Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya.
- Patrick Curry. (1989). *Richard Kieckhefer, Magic in the Middle Ages*. Cambridge Medieval Textbooks: Cambridge University Press.
- Sudipto Sarkar & VR Manohar. (2023). *Sarkar on Evidence*. (ed. 9). Butterworths: London.
- Zuliaty Zulkiffli. (12 April 2021). *Selangor, KL dan Johor lokasi panas kes 'scammer'*. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/04/806245/selangor-kl-dan-johor-lokasi-panas-kes-scammer>
- William Shaw. (1975). *Aspects of Malaysian Magic*. Kuala Lumpur: Muzium Negara.